


### BAB 7 – PENINGKATAN TAMADUN INDIA

#### Halaman 145

Aspek perluasan kuasa ketika zaman Maurya dan Gupta bukanlah satu-satunya kecemerlangan yang berlaku dalam tamadun India. Ini kerana, tamadun India turut mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang lain. Pencapaian tinggi dalam bidang ekonomi, sosial dan politik secara keseluruhannya meletakkan tamadun India terutama zaman Maurya dan Gupta sebagai zaman kecemerlangan yang setanding dengan tamadun-tamadun lain.


Kautilya juga dikenali sebagai Chaknaya merupakan tokoh intelektual yang penting ketika zaman Maurya. Kebijaksanaannya membolehkan beliau dilantik sebagai Perdana Menteri ketika zaman Chandragupta Maurya. Beliau merupakan tulang belakang penting kerajaan Maurya yang membantu pentadbiran Chandragupta. Beliau menghasilkan sebuah karya agung yang dinamakan *Arthashastra*. Karya ini bukan sahaja menjadi sumber rujukan penting mengenai ekonomi, sosial dan politik kerajaan Maurya, malahan turut digunakan oleh kerajaan-kerajaan lain selepasnya.

*Arthashastra* merupakan buku manual perundangan dan pentadbiran yang sangat penting dalam tamadun India. Ini kerana kandungan buku ini yang meliputi pelbagai bidang, terutama cara memerintah dan mentadbir negara yang dapat dijadikan sebagai panduan kepada seseorang raja dan golongan pentadbir untuk memerintah kerajaan mereka. Antara lain, *Arthashastra* menyatakan bahawa seseorang raja perlu mengawal enam perkara asas dalam dirinya iaitu sikap pemarah, sikap tamak, nafsu, kemewahan, keangkuhan dan bermegah-megah agar menjadi raja yang berjaya.




Kautilya

(Sumber: [www.hindisahityadarpan.in](http://www.hindisahityadarpan.in))



*Arthashastra* karya Kautilya  
(Sumber: [www.amazon.in](http://www.amazon.in))

Ketika zaman Gupta, penulis yang terkenal ialah Kalidasa (353 – 420 M) yang menghasilkan pelbagai karya dalam bahasa Sanskrit. Antara karya Kalidasa yang terkenal ialah *Sakuntala* dan *Raghuvamsa*. Karya-karya ini terus diingati sebagai karya penting dalam tamadun India. Ketinggian kesenian zaman Gupta turut ditunjukkan melalui lukisan gua di Ajanta dan Ellora. Lukisan di Ajanta diakui sebagai antara lukisan teragung di dunia. Daripada 26 buah lukisan di Ajanta, dua daripadanya telah dihasilkan semasa zaman Gupta.



*Sakuntala* karya Kalidasa  
(Sumber: [www.amazon.com](http://www.amazon.com))

Pentadbiran kerajaan yang sistematik merupakan antara perkara penting yang berjaya membolehkan kerajaan Maurya dan Gupta mencapai kejayaan yang cemerlang. Pataliputra menjadi pusat pemerintahan dan pentadbiran kedua-dua kerajaan. Bagi memastikan kelicinan pentadbiran, beberapa agensi ditubuhkan seperti Agensi Kewangan, Agensi Kebajikan dan Agensi Penguatkuasaan. Selain itu, Majlis Perbandaran diwujudkan dan ahli-ahlinya dipilih secara terbuka bagi menyelaraskan dan mentadbir kawasan bandar. Dalam ketika ini, Pataliputra ditadbir seperti sebuah bandar moden. Ketika Asoka memerintah kerajaan Maurya, penekanan diberikan kepada kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Keselamatan negara, harta benda serta individu menjadi keutamaan Asoka.

Ketika zaman Gupta pula, sistem pentadbiran berdasarkan kepada pembahagian kawasan dilaksanakan. Bagi memastikan pentadbiran berjalan dengan lancar, kawasan pentadbiran dibahagikan kepada pemerintahan pusat, negeri, daerah dan mukim. Pemerintahan pusat diterajui oleh raja, manakala di negeri pula, kuasa tertinggi adalah dalam kalangan raja yang terikat dengan pemerintahan kerajaan pusat. Daerah pula ditadbir oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik oleh kerajaan pusat sementara di kawasan mukim pula ditadbir oleh seorang ketua mukim yang berkuasa di mukimnya. Toleransi agama juga menjadi teras penting dalam pentadbiran kerajaan dimana semua agama yang terdapat di India ketika itu diterima dengan baik.

Sistem percukaian disusun dengan baik. Jabatan cukai bertanggungjawab melakukan pengutipan cukai. Para petani dikenakan cukai 1/6 daripada jumlah hasil yang diperolehi daripada aktiviti pertanian. Selain itu, aktiviti perdagangan yang merupakan aktiviti yang penting turut berkembang pada ketika ini. Antara barang dagangan yang penting termasuklah gajah, emas, berlian, mutiara dan tekstil. Ketika zaman Gupta, perdagangan telah dilakukan dengan kawasan Asia Tengah melalui laluan daratan yang merentasi banjaran Himalaya. Pelabuhan-pelabuhan besar diwujudkan di Kuala Sungai Ganges, Yamuna dan Narbada bagi menarik kehadiran kapal-kapal asing. Pelabuhan di Gujerat merupakan antara pelabuhan terpenting ketika zaman Gupta. Syiling emas, perak dan kulit siput digunakan sebagai matawang dalam kerajaan Gupta.

## **Rujukan**

Azharudin Mohamed Dali, Tamadun India, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.  
Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan, Tamadun Dunia, Shah Alam: Fajar Bakti, 1999.

Ranjit Singh Malhi, Sejarah Dunia KBSM melalui Carta, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1993.

World History: The Classical World, 499 BC-500 AD, London: Kingfisher, 1997.

R. Rajakrishnan dan M. Rajantheran, Pengantar Tamadun India, Shah Alam: Fajar Bakti, 1994.

Romila Thapar, The Penguin History of Early India, New Delhi: Penguin Books, 2003.